



30 Disember 2011  
30 December 2011  
P.U. (A) 436

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2011

### *STATUTORY BODIES (DISCIPLINE AND SURCHARGE) (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000

PERINTAH BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ)  
(PINDAAN JADUAL KEDUA) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(1) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*], Perdana Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Pindaan Jadual Kedua) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

**Pindaan peraturan 43**

2. Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, yang disebut “Jadual ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam peraturan 43–

(a) dalam subperaturan (1)–

(i) dengan menggantikan perkataan “Jawatankuasa Tatatertib” dengan perkataan “Tertakluk kepada subperaturan (6), Jawatankuasa Tatatertib”;

(ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “secara mendatar dalam peringkat gaji yang sama” dengan perkataan “dalam jadual gaji yang sama bagi pegawai yang diperuntukkan mata gaji”; dan

(iii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan perkataan “, dengan syarat hukuman turun gaji tidak boleh menyebabkan pegawai menerima gaji kurang daripada gaji minimum yang ditentukan

bagi gred jawatan yang disandang oleh pegawai” selepas perkataan “tiga pergerakan gaji”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“ (5) Bagi maksud perenggan (1)(b), pegawai yang gajinya tidak diperuntukkan mata gaji, “pergerakan gaji” adalah bersamaan amaun lima peratus daripada gaji hakiki.

(6) Hukuman turun gaji tidak terpakai ke atas pegawai yang berada di mata gaji minimum atau pegawai lantikan kontrak yang tidak diperuntukkan mata gaji tetapi tidak termasuk pegawai lantikan kontrak yang diberi kenaikan gaji berdasarkan peratusan.”

#### **Penggantian peraturan 44**

3. Jadual ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 44 dengan peraturan yang berikut:

##### **“Turun pangkat**

44. (1) Tertakluk kepada subperaturan (3), Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan boleh mengenakan hukuman turun pangkat ke atas seseorang pegawai dan hukuman itu hendaklah dikenakan dengan—

(a) menurunkan gred pegawai itu ke satu gred yang lebih rendah dalam skim perkhidmatan yang sama; dan

(b) menentukan gaji pegawai itu menggunakan kaedah dalam subperaturan (2).

(2) Kaedah bagi menentukan gaji pegawai yang dikenakan hukuman turun pangkat adalah seperti yang berikut:

- (a) bagi pegawai yang diperuntukkan dengan mata gaji, gaji pegawai itu hendaklah terlebih dahulu diturunkan sebanyak tiga mata gaji daripada gaji terakhir yang diterima oleh pegawai itu dalam gred hakikinya sebelum hukuman dikenakan, dan kemudian gajinya hendaklah ditentukan pada suatu mata gaji yang lebih rendah, tetapi paling hampir, dalam jadual gaji bagi gred turun pangkat tersebut;
- (b) bagi pegawai yang diperuntukkan dengan mata gaji tetapi berada pada mata gaji tiga atau kurang semasa hukuman dikenakan, gaji terakhir di gred hakikinya sebelum hukuman itu hendaklah ditolak dengan suatu amaun yang bersamaan dengan amaun tiga kali pergerakan gaji di gred hakikinya itu, dan berdasarkan amaun yang diperoleh, gaji pegawai itu hendaklah ditentukan pada suatu mata gaji yang lebih rendah, tetapi paling hampir, dalam jadual gaji bagi gred turun pangkat, atau pada gaji minimum gred turun pangkat jika mata gaji yang paling hampir itu adalah sama atau kurang daripada gaji minimum di gred turun pangkat tersebut;
- (c) bagi pegawai yang tidak diperuntukkan dengan mata gaji, gaji terakhir di gred hakikinya sebelum hukuman dikenakan hendaklah dikurangkan terlebih dahulu amaunnya sebanyak lima belas peratus tanpa mengira sama ada amaun yang telah dikurangkan itu menjadi sama atau kurang daripada gaji minimum di gred sebelum pegawai dikenakan hukuman dan jumlah itu hendaklah menjadi gaji bagi pegawai itu di gred turun pangkat, dengan syarat sekiranya gaji itu lebih tinggi daripada gaji maksimum di gred turun pangkat, gaji maksimum